

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 16 Mei 2017 15:05
To: UUM - All Staff
Subject: BENGKEL PEMANTAPAN JURUAUDIT KUALITI DALAMAN AKADEMIK (ISO 9001:2015)

Importance: High



16 MEI 2017/ 19 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

BENGKEL PEMANTAPAN JURUAUDIT KUALITI DALAMAN AKADEMIK (ISO 9001:2015)



IPQ ONLINE:, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Juruaudit Kualiti Dalam Akademik bagi memantapkan proses Audit Kualiti Dalam pada tahun ini selaras dengan proses transisi ISO 9001:2015. Bengkel pemantapan ini telah dijalankan pada 14 Mei 2017 (Ahad) bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, IPQ. Bengkel ini turut memberi pendedahan kepada Juruaudit tentang penambahan aspek pengurusan risiko di dalam pelaksanaan proses transisi ISO 9001: 2008 kepada ISO 9001:2015.

Penceramah jemputan, Prof. Dr. Rushami Zien Yusoff dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan kualiti dan juga merupakan mantan Pengarah IPQ yang pertama. Beliau telah menyentuh tentang falsafah, objektif dan ciri-ciri yang perlu ada pada setiap auditor yang baik. Sesi diteruskan lagi oleh perunding yang di lantik oleh UUM iaitu Puan Armon a/p I Weng, *Principal Consultant* dari Global Jayamaju Sdn. Bhd. Beliau juga mempunyai pengalaman luas di dalam bidang ISO. Beliau turut memberikan pendedahan terhadap keperluan ISO 9001:2015 yang perlu diberikan perhatian semasa proses audit berlangsung. Selain itu, aktiviti *Role Play* turut dijalankan agar para Juruaudit dapat lebih mendalami proses audit yang akan dijalankan tidak lama lagi.

IPQ berharap agar proses Audit Kualiti Dalam dan Audit SIRIM pada tahun ini akan berjalan dengan lancar dalam memastikan proses transisi berjaya dilaksanakan. Akhir sekali, IPQ mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan komitmen yang tinggi dari juruaudit yang hadir dalam bengkel tersebut.

INSTITUT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS

Institut Pengurusan Kualiti | Universiti Utara Malaysia | 06010 | UUM Sintok | Kedah Darul Aman | Malaysia.

Tel : +04 - 928 4651/55 | Fax : +04 - 928 4660 | Email : ipq@uum.edu.my | Website : www.ipq.uum.edu.my | Facebook : Institut Pengurusan Kualiti-IPQUUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.